



27 November 2017  
27 November 2017  
P.U. (A) 363

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PENGENDALIAN KURSUS PENGAJIAN) (PINDAAN) 2017

### *PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS (CONDUCTING COURSES OF STUDY) (AMENDMENT) REGULATIONS 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA 1996**

**PERATURAN-PERATURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA  
(PENGENDALIAN KURSUS PENGAJIAN) (PINDAAN) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 88 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pengendalian Kursus Pengajian) (Pindaan) 2017.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 28 November 2017.

**Pindaan peraturan 3**

2. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pengendalian Kursus Pengajian) 1997 [P.U. (A) 546/1997], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda—

(a) dalam subperaturan (2)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “Permohonan” perkataan “di bawah subperaturan (1)”; dan

(ii) dengan memotong perkataan “, dan satu salinan kepada Ketua Eksekutif Lembaga Akreditasi Negara,”;

(b) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “Permohonan bagi setiap kursus pengajian” dengan perkataan “Permohonan di bawah subperaturan (1) bagi setiap kursus pengajian”; dan

(c) dengan menggantikan subperaturan (4) dengan subperaturan yang berikut:

“(4) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan—

(a) perakuan akreditasi sementara yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia di bawah Bahagian VII Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [*Akta 679*] dan apa-apa syarat yang dikenakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia yang berhubungan dengan perakuan akreditasi sementara itu; dan

(b) apa-apa dokumen lain yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar.”.

#### **Pindaan peraturan 4**

3. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “diajar” dengan perkataan “dijalankan”;

(b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “pengajaran dan pembelajaran” dengan perkataan “penjalanan”; dan

(c) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “Menteri” dengan perkataan “Ketua Pendaftar”.

#### **Pindaan peraturan 5**

4. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Jika Ketua Pendaftar berpuas hati dengan permohonan untuk mengendalikan kursus pengajian atau kursus pengajian tambahan di bawah peraturan 3, Ketua Pendaftar bolehlah meluluskan permohonan itu.”;

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Apabila permohonan diluluskan di bawah subperaturan (1), pemohon itu hendaklah membayar fi kelulusan kepada Ketua Pendaftar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.”; dan

(c) dalam subperaturan (2)—

(i) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) lima tahun jika tempoh kursus pengajian atau kursus pengajian tambahan itu tiga tahun atau ke bawah; dan”;

(ii) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) tujuh tahun jika tempoh kursus pengajian atau kursus pengajian tambahan itu melebihi tiga tahun.”.

## **Pindaan peraturan 6**

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 6 dengan peraturan yang berikut:

“Pembaharuan  
kelulusan.

6. (1) Permohonan bagi pembaharuan kelulusan untuk mengendalikan kursus pengajian atau kursus pengajian tambahan hendaklah dibuat dalam Borang ‘C’ dalam Jadual Pertama.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pendaftar tidak lewat daripada enam bulan sebelum habis tempoh kelulusan untuk mengendalikan

kursus pengajian atau kursus pengajian tambahan itu.

(3) Permohonan di bawah subperaturan (1) bagi setiap kursus pengajian atau kursus pengajian tambahan hendaklah dibuat dalam borang permohonan yang berasingan.

(4) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan—

- (a) perakuan akreditasi yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia di bawah Bahagian VIII Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 dan apa-apa syarat yang dikenakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau badan profesional yang berkenaan yang berhubungan dengan perakuan akreditasi itu; dan
- (b) apa-apa dokumen lain yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar.

(5) Jika Ketua Pendaftar berpuas hati dengan permohonan di bawah subperaturan (1), Ketua Pendaftar bolehlah meluluskan permohonan itu.

(6) Apabila permohonan diluluskan di bawah subperaturan (5), pemohon itu hendaklah membayar fi kelulusan kepada Ketua Pendaftar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.”.